# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 10 MEI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | CULTIVATION OF MILK FISH IN SUNGAI PETANI, NATION, SIN CHEW DAILY -7<br>ALAM MISTIK MAINAN SAIFUL AZMI, PASTI ADA SINAR, SH -16<br>BUKA LADANG LEMBU, KAMBING, LEBAH, PASTI ADA SINAR, SH -19 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Cultivation of milk fish in Sungai Petani | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 May 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 7 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1136 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 34,424 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 103,273 |



奶宝鱼（外国称为虱目鱼）对一般人而言，可能还相当陌生。不过，随着吉打双溪大年的海发水产养殖有限公司Usaha Fadzilat (M) S/B董事主席林潮发从台湾引介后，这种在台湾被称为虱目鱼的高营养价值鱼，已开始被大马人所认识。

# 奶寶魚好吃營養高

## 雙溪大年 海發水產成功養殖



到养殖场收成，员工就可以收获到非常大只的奶宝鱼。



具有高评价的奶宝鱼富有高营养价值。

林潮发说，为了符合大马民情，他们于是依照此鱼的英文名Milk Fish / Ikan Susu的意思，将它音译为奶宝鱼。因此，在大马，它的名字就叫"奶宝鱼"，并准备向大马农业部申请把新名称注册商标，并取得专有权证书。

林潮发说，他欣慰可为自己成功研发和养殖的奶宝鱼取名，这样他的成功和取名事迹，就会流传下去。他也感谢前任农业与农基工业部部长[illegible]在政务繁忙中，为"大马奶宝鱼"主持推介礼。

### 每年养殖产量3000公吨

林潮发说，经过海发水产多年技术研发，奶宝鱼的活存率高达75%，因该公司除了拥有占地庞大、得天独厚的天然蓄养场，海水则随着潮涨潮落的自然循环规律，在水系统流通全场鱼池，再采用特殊奶宝鱼饲料配方，全干饲料，并领有FQC/GMP/HACCP证书，才符合该公司的要求。

他说，配合以上各种条件，该公司如今每年能养殖出3000公吨的产量。

他说，根据渔业专家与多间大学的研究报告资讯显示，奶宝鱼的营养价值非常高，含有丰富的Omega-3（不饱和脂肪酸）。

他说，该公司奶宝鱼的鱼肉鲜美，不含泥腥味，绝不采用任何非禁药物包括抗生素，健康保证。该公司获得国家渔业部颁发myGAP证书，和获得FQC及认证荣誉。

"奶宝鱼是优质的蛋白质来源，是我们饮食中必要的营养成份，尤其它的脂肪酸，对大脑的健康与发育有很大裨益。"



每日都会有来自多个地方的奶宝鱼送入工厂加工和发售到全国各地。

### "去骨奶宝鱼"大受国内外欢迎

海发集团在专注研发和养殖奶宝鱼取得巨大成功后，目前已在尝试实现业务多元化目标，建立产品增值工厂，将养殖场内各种新鲜渔获进行加工和速冻，供应国内外市场。

为了让大家更容易和方便食用奶宝鱼，该公司也研发"去骨奶宝鱼（Deboned Milk Fish）"，并抢攻中国市场和本地餐馆、酒店和超级市场。

目前该公司除了每天大量供应"冰鲜奶宝鱼"，也积极的在大量生产"去骨奶宝鱼"，通过卫生冷冻真空包装运销至各地市场。

"去骨奶宝鱼"可成为各式中西、马来、印度、日本餐厅的佳肴，让人民可享用不同风味的美食。

该公司也展望将来，推出更多样化的加工产品，如鱼丸、鱼饼、鱼松。




↑林潮发（右）[illegible]去骨冷冻奶宝鱼。

←海发集团[illegible]奶宝鱼塘。



用奶宝鱼制作而成的鱼饼。

西式煮法的奶宝鱼。

清蒸的奶宝鱼特别鲜甜爽口。



海发水产工业有限公司员工向民众示范去骨的奶宝鱼

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/5/2020 | SINAR HARIAN | PASTI ADA SINAR | 16 |

# Alam mistik mainan Saiful Azmi



SAIFUL AZMI ketika menjadi hos *Detik 12 Malam* musim pertama.

BERDEPAN dunia misteri barangkali sudah menjadi permainannya. Terserempak dengan bayangan mistik di depan mata ketika penggambaran sebuah program televisyen adalah antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh pemuda ini sampai bila-bila.

Beberapa tahun lalu, Saiful Azmi Jamsari cukup sinonim dengan rancangan *Detik 12 Malam* sehingga mencapai lebih sejuta tontonan.

Bagi bekas wartawan rancangan hiburan itu, peristiwa misteri bagaikan sudah sebati sebaik sahaja menjadi hos rancangan 30 minit itu sejak tahun 2013 lagi.

"Pengalaman paling tak dapat dilupakan adalah ketika musim keempat apabila saya berdepan dengan satu bayangan di depan mata. Masa itu saya memang takut dan dah terfikir nak lari.

"Tapi bila mengenangkan komen pembaca sebelum ini yang sering mengatakan kenapa saya harus lari, membuatkan saya agak berani ketika itu. Entah macam mana saya boleh pegang bayangan itu dan dapat rasa bentuknya seperti kepala manusia," ceritanya.

Kisah itu tidak terhenti begitu sahaja. Anak jati Kuala Lumpur berkenaan sempat menarik segumpal rambut daripada bayangan itu sebelum berlari keluar dari stor misteri yang menjadi lokasi penggambaran tersebut.

"Masa itu memang dah kecoh dan suasana kelam-kabut. Bila saya berjaya keluar dari stor itu, saya terus tunjukkan gumpalan rambut kepada kru yang masih panik.

"Tapi tak lama kemudian rambut itu ghaib dengan sendirinya. Memang seram sejuk dibuatnya. Peristiwa itu saya rasakan paling misteri setakat ini," katanya yang kini hanya bekerja secara sambilan dalam dunia penyiaran.

Meskipun sudah tidak bersama dengan rangkaian televisyen terbabit, namun menurutnya, program seumpama itu mungkin akan disambung.

"Jadi atau tidak, saya masih menunggu memandangkan sekarang negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," ujarnya kepada *SinarPlus* baru-baru ini.



TERNAKAN lembu adalah antara sumber pendapatan Saiful Azmi sepanjang PKP.

## Daripada dunia penyiaran kini aktif dalam bidang penternakan dan pertanian



BUAH pisang turut dipromosikan Saiful Azmi dalam media sosial sejak PKP.

**PROFIL:**

**Nama:** Saiful Azmi Jamsari
**Umur:** 41 tahun
**Asal:** Kuala Lumpur
**Tahap pendidikan:** Diploma Aplikasi Multimedia (sedang melanjutkan pengajian jarak jauh di kampus UUMKL dalam jurusan ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif)
**Instagram:** @ azmijamsari
**Facebook:** fan page - Azmi Jamsari
**Twitter:** @AzmiJamsari
**Youtube :** azmi jamsari

## Buka ladang lembu, kambing, lebah

BERCAKAP mengenai perkembangan sepanjang PKP, kini Saiful Azmi aktif menjalankan aktiviti penternakan dan pertanian di Beranang dan Ampang, Selangor untuk dijual dan makan sendiri.

"Sebenarnya, saya sudah aktif dalam bidang ini sejak tahun 2000 lagi. Cuma pada masa itu tak nampak sangat sebab sibuk dengan program penyiaran selain menjadi pegawai perhubungan awam syarikat rakaman.

"Sekarang nampak agak menonjol apabila saya *post* dalam Facebook dan jual secara penghantaran terus ke rumah semasa PKP sebelum ini," tutur anak kedua daripada lima beradik itu.

Pemilik syarikat Saudagar Seni itu sebenarnya sudah dididik sejak kecil dengan dunia pertanian dan penternakan. Bapanya rajin menghabiskan masa menanam sayur-sayuan dan membela arnab untuk kegunaan sekeluarga.

"Daripada situlah minat saya bermula sehingga buka kandang bela lembu, kambing, lebah madu dan kelulut.

"Pada masa sama, saya pun tanam cili, cendawan dan lain-lain. Semua itu saya belajar sendiri di samping ambil kursus kerana mahu serius dalam bidang ini," kongsinya yang menjalankan aktiviti komersial sejak tahun 2005.

Meskipun hanya membuat promosi melalui media sosial dan perkongsian kawan-kawan, namun sambutan jualan daging, bongkah cendawan dan madu Saiful Azmi cukup memberangsangkan.

Bongkah cendawan yang diusahakannya paling mendapat sambutan sepanjang PKP disebabkan ramai yang tidak keluar rumah.

"Aktiviti bertani di rumah juga menjadi terapi selain mengisi masa lapang. Agak menyeronokkan apabila tanaman cendawan menjadi terutamanya bagi yang belum pernah bercucuk tanam.

"Untuk stok raya nanti, saya ada tiga ekor lembu untuk disembelih dan dijual kepada orang ramai. Nantikan *post* saya mengenai jualan terus ke rumah-rumah di sekitar Lembah Klang," ungkap bekas pelajar Sekolah Vokasional Sungai Buloh itu.